

TERMA-TERMA & SYARAT-SYARAT UNTUK PELAN BANTUAN BANJIR CIMB

Syarat-syarat Umum

- A. Terma-terma dan syarat-syarat berikut akan terpakai untuk Pelan Bantuan Banjir CIMB (“**Pelan Bantuan Banjir**”) yang tersedia dari 20 Disember 2021 dan seterusnya kepada peminjam-peminjam/pelanggan-pelanggan individu yang mempunyai:
- (i) Pinjaman/Pembiayaan Perumahan;
 - (ii) Pinjaman/Pembiayaan Peribadi, termasuk Pembiayaan ASB;
 - (iii) Kad kredit/-i;
 - (iv) Overdraf/Cashline-i; dan
 - (v) Pembiayaan Auto,
- bagi setiap "**Kemudahan**".
- B. Bank merujuk kepada CIMB Bank Berhad atau CIMB Islamic Bank Berhad, sebagai institusi kewangan yang memberikan Kemudahan kepada anda.
- C. Anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah keseluruhan kos pembiayaan anda akan lebih tinggi. Sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik, anda boleh pada bila-bila masa memohon perubahan terma bayaran balik/bayaran Kemudahan bagi mengurangkan kos keseluruhan Kemudahan anda dengan menghubungi Bank.
- D. Kadar Faedah/Keuntungan yang Berkuatkuasa untuk Kemudahan akan tetap sama.
- Sekiranya kadar faedah/keuntungan ke atas Kemudahan terikat dengan Kadar Asas (“BR”) atau Kadar Pinjaman Asas (“BLR”)/Kadar Pembiayaan Asas (“BFR”), harap maklum bahawa BR/BLR/BFR adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa seperti yang dipaparkan di cawangan Bank dan/atau dipaparkan di laman web Bank.
- E. Sekiranya anda telah mendaftar dalam program bantuan bayaran yang lain, program ini akan dihentikan sebaik sahaja Pelan Bantuan Banjir ini dimulakan. Untuk Pembiayaan Auto, jika anda sedang menyertai Program Bantuan Pembayaran, Pelan Bantuan Pembayaran Enam (6) bulan akan dimulakan sebaik sahaja program sedia ada tamat tempoh.
- F. Sekiranya Bank mengetahui bahawa anda telah memberikan maklumat palsu, mengelirukan atau tidak lengkap dalam permohonan anda untuk Pelan Bantuan Banjir ini, Bank boleh mengubah atau mengubahsuai syarat pembayaran anda atau membatalkan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini.
- G. Permohonan dan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini akan mengikat semua pemegang akaun bersama secara bersama dan berasingan. Anda hendaklah memberitahu semua pihak sekuriti mengenai penerimaan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat ini untuk memastikan bahawa mereka menyedari syarat dan syarat ini dan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini.

- H. Bank boleh menghentikan Pelan Bantuan Banjir pada bila-bila masa dengan memberi notis di laman webnya.
- I. Sekiranya anda gagal membayar ansuran bulanan pada bila-bila masa sehingga akaun anda tertunggak selama 90 hari atau lebih, anda bersetuju bahawa Bank boleh menawarkan penyelesaian khusus yang lebih sesuai dengan kedudukan kewangan anda, yang mungkin termasuk berkongsi butiran pinjaman/pembiayaan anda dengan AKPK untuk mendapatkan khidmat nasihat kewangan selanjutnya bagi mengurus hutang anda dan membenarkan AKPK mengakses maklumat CCRIS anda.
- J. Potongan bayaran automatik (auto fund transfer) CIMB yang ditetapkan bagi akaun Kemudahan akan dihentikan sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan. Sekiranya terdapat arahan tetap yang lain bagi akaun Kemudahan, anda diminta untuk mengemaskini arahan tetap anda dengan sewajarnya.
- K. Sekiranya terdapat kegagalan pembayaran, Bank berhak untuk bertindak, atau menguatkuasakan hak atau remedinya yang diberikan di bawah dokumen Kemudahan dan sebarang tindakan atau peninggalan oleh Bank tidak akan berfungsi sebagai pengabaian hak dan remedi Bank di bawah dokumen Kemudahan.
- L. Semua terma dan syarat lain dalam Kemudahan ini dan dokumen sekuriti yang sedia ada akan tetap berkuatkuasa dan berkuat kuasa sepenuhnya.

Syarat Khusus untuk Pinjaman/Pembiayaan Perumahan dan Pembiayaan ASB

1. Pembayaran tidak perlu dibuat selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini ("**Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan**") yang akan diberitahu kepada anda.
2. Anda diminta untuk menyambung semula pembayaran bulanan setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
3. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggan, Bank tidak akan mengkompaun sebarang faedah/keuntungan yang terakru sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan. Faedah/keuntungan masih akan dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan dan pembayaran untuk faedah/keuntungan yang terakru mesti dibuat selepas Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.

Setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, pembayaran yang dibuat akan digunakan untuk menjelaskan yang berikut:

- Faedah/Keuntungan (termasuk faedah/keuntungan terakru); dan
- Jumlah Kemudahan prinsipal

4. (a) Bagi Kemudahan oleh CIMB Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah faedah terakru caj-caj pelbagai dan lain-lain sebelum bermulanya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, jika ada, akan ditambahkan dalam baki prinsipal Kemudahan yang belum dijelaskan pada permulaan Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.

(b) Meskipun Klausula 4(a) di atas, bagi Kemudahan di bawah pelepasan progresif, faedah yang terakru sebelum bermulanya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, tidak akan ditambahkan dalam baki prinsipal Kemudahan yang belum dijelaskan.

5. (a) Bagi Kemudahan oleh CIMB Islamic Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum bermulanya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam baki keseluruhan Kemudahan yang belum dijelaskan. Walaubagaimanapun, jumlah keuntungan terakru tidak akan ditambahkan ke dalam baki prinsipal yang belum dijelaskan dan tidak akan dikompaun kecuali caj-caj pelbagai dan lain-lain.

(b) Bagi Kemudahan di bawah pelepasan progresif, keuntungan yang terakru sebelum bermulanya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan tidak akan ditambahkan ke dalam baki prinsipal Kemudahan yang belum dijelaskan.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, *aqad* baru tidak diperlu dilakukan dan jumlah keseluruhan yang perlu dibayar tidak akan melebihi Harga Jual/Jualan Bank.

6. Sekiranya terdapat perubahan BR/BLR/BFR setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, bayaran bulanan akan dikira semula dan dipinda dengan sewajarnya.
7. Tempoh Kemudahan tidak akan dilanjutkan. Justeru, anda mungkin diminta untuk membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi pada hujung tempoh Kemudahan.

Syarat Khusus untuk Pinjaman/Pembiayaan Peribadi

1. Pembayaran tidak perlu dibuat selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini ("**Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan**") yang akan diberitahu kepada anda.
2. Anda diminta untuk menyambung semula pembayaran bulanan setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
3. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggan, Bank tidak akan mengkompaun sebarang faedah/keuntungan yang terakru sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan. Faedah/keuntungan masih akan dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan dan pembayaran untuk faedah/keuntungan yang terakru mesti dibuat selepas Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.

Setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, pembayaran yang dibuat akan digunakan untuk menjelaskan yang berikut:

- Faedah/Keuntungan (termasuk faedah/keuntungan terakru); dan
 - Jumlah Kemudahan prinsipal
4. (a) Untuk Kemudahan dengan CIMB Bank Berhad, kesemua tunggakan dan jumlah faedah terakru, caj-caj pelbagai dan lain-lain sebelum permulaan Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam jumlah prinsipal Kemudahan yang belum dibayar pada permulaan Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan; dan
- (b) Tempoh Kemudahan tidak akan dilanjutkan. Justeru, anda mungkin diminta untuk membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi pada hujung tempoh Kemudahan.
5. (a) Untuk Kemudahan dengan CIMB Islamic Bank Berhad, semua tunggakan dan jumlah keuntungan terakru sebelum bermulanya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, jika ada, akan ditambahkan ke dalam baki keseluruhan Kemudahan yang belum dijelaskan. Walaubagaimanapun, jumlah keuntungan terakru tidak akan ditambahkan ke dalam baki prinsipal yang belum dijelaskan dan tidak akan dikompaun kecuali caj-caj pelbagai dan lain-lain.; dan
- (b) Tarikh matang Kemudahan akan diselaraskan sebanyak 6 bulan untuk menampung ansuran bulanan. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi pada akhir tarikh matang Kemudahan diselaraskan.

Syarat Khusus untuk Kad Kredit/-i

1. Pembayaran tidak perlu dibuat selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini ("**Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan**") yang akan diberitahu kepada anda.
2. Anda diminta untuk menyambung semula pembayaran bulanan setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
3. Caj Kewangan/Caj Kemudahan akan terus dikenakan atas Kemudahan Kad Kredit/-i sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan dan sebarang caj kewangan/caj kemudahan yang terakru mesti dibuat selepas Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.

Setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, pembayaran yang dibuat akan digunakan untuk menjelaskan yang berikut:

- Caj Kewangan/Caj Kemudahan (termasuk caj kewangan/caj kemudahan terakru); dan
- Jumlah Kemudahan prinsipal

4. Kemudahan Kad Kredit/-i akan digantung sementara semasa Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan. Ini bermakna bahawa sebarang pengebilan automatik dari akaun Kad Kredit/-i anda untuk bayaran seperti utiliti, telekomunikasi, premium insurans/sumbangan takaful, dan lain lain tidak boleh dilaksanakan sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
5. Untuk akaun Kad Kredit/-i yang dijadualkan semula dan disusun semula, tempoh Kemudahan akan diperpanjangkan minimum 6 bulan.

Syarat Khusus untuk Pinjaman/Pembiayaan Auto

1. Bank akan memberikan anda kelonggaran untuk menangguhkan ansuran selama 6 bulan (“Ansuran Ditangguhkan”) bermula pada bulan sejurus selepas pengesahan penyertaan anda di dalam Pelan Bantuan Banjir (“**Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan**”) yang akan diberitahu kepada anda.
2. Ini bermaksud tiada bayaran perlu dibuat semasa Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
3. Anda diminta untuk menyambung semula pembayaran bulanan setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
4. Tarikh matang Kemudahan anda akan dilanjutkan selama enam (6) bulan.
5. Sebagai langkah untuk meringankan beban kewangan peminjam/pelanggan, Bank tidak akan mengkompaun sebarang caj faedah/keuntungan/terma yang terakru sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan. Caj faedah/keuntungan/terma masih akan dikenakan ke atas Kemudahan sepanjang Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan. Untuk Kadar Tetap, caj faedah/keuntungan/terma terakru akan diutamakan dan dibayar terlebih dahulu apabila anda menyambung semula ansuran bulanan anda, berbanding dengan caj faedah/keuntungan/terma dan prinsipal untuk bulan semasa. Untuk Kadar Boleh Ubah, caj faedah/keuntungan/terma terakru akan dibayar selepas penyelesaian akaun anda, yang mana jumlah tersebut tidak akan melebihi jumlah caj terma seperti yang dinyatakan dalam perjanjian Sewa Beli Prinsipal anda.
6. Anda mungkin perlu membayar jumlah pembayaran akhir yang lebih tinggi yang mungkin termasuk bayaran ansuran terakhir anda dan sebarang jumlah yang tertunggak (jika ada).
7. Tanpa prejudis pada terma-terma di atas, anda hendaklah memaklumkan penjamin anda (jika ada) tentang penerimaan anda terhadap terma-terma dan syarat-syarat ini untuk memastikan bahawa penjamin tersebut mengetahui terma-terma dan syarat-syarat ini dan penerimaan anda terhadapnya.

Syarat Khusus untuk Pinjaman/Pembiayaan Overdraft/Cashline-i

1. Pembayaran tidak perlu dibuat selama enam (6) bulan mulai dari bulan sejeurus selepas pengesahan penyertaan anda dalam Pelan Bantuan Banjir ini (“Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan”) yang akan diberitahu kepada anda.
2. Dari saat permohonan anda sehingga permulaan Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, faedah / keuntungan dan faedah / keuntungan tertunggak (jika berkenaan) akan dikenakan seperti biasa.
3. Anda diminta untuk menyambung semula pembayaran bulanan setelah berakhirnya Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
4. Bagi kemudahan Overdraft, semasa Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, faedah akan dikira pada baki belum dijelaskan pada permulaan Pelan Bantuan Banjir dan ia akan terakru. Walau bagaimanapun, ia tidak akan dicaj ke akaun anda dan dengan demikian, ia tidak akan dikompaun.
5. Bagi kemudahan Cashline-i, semasa Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan, keuntungan akan dikira pada baki belum dijelaskan tidak termasuk jumlah keuntungan yang terakru (jika ada) pada permulaan Pelan Bantuan Banjir dan ia akan terakru. Walau bagaimanapun, ia tidak akan dicaj ke akaun anda dan dengan demikian, ia tidak akan dikompaun.
6. Anda akan menikmati pelepasan kewangan jangka pendek tetapi jumlah kos pinjaman anda akan menjadi lebih tinggi. Sekiranya keadaan kewangan anda bertambah baik, anda boleh membuat pembayaran ke akaun Kemudahan anda pada bila-bila masa untuk mengurangkan baki belum dijelaskan yang akan mengurangkan faedah / keuntungan yang dikenakan. Anda boleh melakukannya pada bila-bila masa, termasuk semasa Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.
7. Faedah / keuntungan terakru yang terkumpul semasa Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan perlu dibayar selepas Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan berakhir bersama dengan jumlah melebihi had, dan pembayaran hendaklah dibuat sekaligus.
8. Pembayaran jumlah melebihi had dan faedah/keuntungan yang terakru dalam Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan hendaklah dibuat seawal mungkin setelah Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan anda berakhir, bagi mengelakkan baki belum dijelaskan yang lebih tinggi, dan mengakibatkan jumlah melebihi had Kemudahan yang lebih tinggi.
9. Sekiranya anda telah berdaftar dalam Program Bantuan Pembayaran - Moratorium 6 Bulan (Tempoh Penangguhan) Untuk Overdraft/Cashline-I (“Program”), ia akan terhenti sebaik sahaja Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan ini dimulakan. Jumlah melebihi had yang belum dibayar dari Program Moratorium perlu dibayar sebagai pembayaran sekaligus apabila tamat Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan.



CIMB BANK BERHAD
197201001799 (13491-P)



CIMB ISLAMIC BANK BERHAD
200401032872 (671380-H)

10. Sekiranya Overdra/Cashline-i anda dijadualkan dengan pengurangan had berkala, ia akan ditangguhkan buat sementara waktu dan akan disambung semula sebulan selepas Tempoh Bantuan Pembayaran 6 Bulan berakhir berdasarkan kitaran pengurangan had berkala yang lebih awal (bulanan, suku tahunan, setengah tahun atau tahunan).